

04

Keberkesanan Penggunaan Bahan Sokongan Dan Strategi DI Untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Darjah Satu

Sekolah Rendah Telok Kurau



Ramlah Begam Abdul Hameed

ramlah_begam@schools.gov.sg



Norita Rahmad

norita_rahmad@schools.gov.sg

Abstrak

Sebilangan besar murid yang memasuki Darjah 1 mengalami kesukaran membunyikan suku kata, mengeja, membaca perkataan asas dan ayat mudah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid. Program membaca telah diusahakan dengan menggunakan Strategi Pengajaran Pembezaan (DI) dan memanfaatkan bahan sokongan terbitan MLCS serta membina bahan tambahan bagi meningkatkan kemahiran membaca murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dengan menggunakan bahan sokongan dan melaksanakan strategi DI, guru dapat meningkatkan kemahiran membaca murid dengan berkesan.

Kata kunci: kemahiran membaca, bahan bacaan sokongan, pengajaran pembezaan (DI)


PENGENALAN

Dapatan Banci Penduduk 2020 menunjukkan perubahan yang agak ketara dalam penggunaan bahasa Ibunda dalam kalangan anggota keluarga. Peratusan penduduk yang berusia lima tahun ke atas yang sering bertutur dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama telah berkurangan sebanyak 22.5% daripada 82.7% kepada 60.2%. Hal ini memberi kesan pada persediaan mereka untuk mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di peringkat Darjah 1. Melalui pengamatan dan data-data yang dianalisis sejak beberapa tahun oleh pengkaji yang mengajar Bahasa Melayu, terdapat murid yang tidak pernah menyertai alam persekolahan di peringkat prasekolah. Ada murid pula yang belum pernah terdedah pada penggunaan Bahasa Melayu secara formal atau tidak formal kerana ibu bapa mereka bukan penutur jati bahasa Melayu atau bukan berbangsa Melayu. Ada murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran dan tahap perkembangan kognitif mereka rendah, contohnya murid yang mengalami disleksia, autistik dan sebagainya.

Guru-guru Sekolah Rendah Telok Kurau (TKPS) telah mengambil inisiatif untuk membantu murid Darjah 1 meningkatkan kemahiran membaca. Ini selari dengan objektif TKPS pada tahun 2021 membentuk pasukan Pembelajaran Profesional (PLT) untuk meningkatkan mutu PdP Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Bagi mencapai tujuan ini, bahan-bahan sokongan yang disediakan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), contohnya pakej Bacaan Asas telah digunakan. Pakej ini digunakan untuk membantu murid memupuk kemahiran peringkat awal membaca. Pengkaji juga mendapatkan bantuan ibu bapa untuk memberikan sokongan dalam proses pembelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa diberikan salinan bahan bacaan terbitan MLCS untuk membantu anak mereka di rumah.

Dengan cara ini, ibu bapa terlibat sama memberi sokongan dan sering berkomunikasi dengan pengkaji untuk memberikan maklum balas. Pengkaji juga telah menyiapkan carta visual bagi membantu murid dalam pelajaran ejaan dan menggunakan bahan ICT yang sedia ada untuk memudahkan pemahaman dan pembelajaran murid.

Perancangan awal telah dilakarkan, namun disebabkan situasi pandemik COVID-19 pada tahun 2021, beberapa perubahan terpaksa dilakukan. Contohnya, pelaksanaan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura untuk mengadakan program Pembelajaran Di Rumah (HBL), pengkaji terpaksa



membuat penyesuaian pada proses kajian dan juga mengadaptasi cara PdP Bahasa Melayu di dalam bilik darjah mahupun secara dalam talian. Pada peringkat awal, pengkaji merancang untuk memberikan fokus dan sokongan kepada murid praaras kebolehan (LP) yang menghadapi masalah membaca. Setelah berbincang, pengkaji setuju untuk melibatkan semua murid Darjah 1. Selepas tiga penggal menjalankan projek ini, pengkaji mendapati ada peningkatan pada kebolehan membaca murid-murid Darjah 1 ini.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah utama yang menjadi keprihatinan pengkaji ialah kesukaran yang dihadapi murid-murid Darjah 1 TKPS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebilangan besar daripada mereka mengalami kepayahan untuk membaca dan mengenal perkataan mudah dalam bahasa Melayu.

Seramai 83 orang murid Darjah 1 telah menjalani ujian praintervensi untuk mengenal pasti sama ada mereka boleh membaca dan memahami perkataan-perkataan yang dibaca. Dapatan daripada ujian yang dilakukan pada awal tahun, iaitu pada Penggal 1 2021 menunjukkan bahawa seramai 38 orang atau 45.78% tidak dapat membunyikan suku kata perkataan, membaca teks pendek yang mudah mahupun mengenal perkataan-perkataan yang diuji atau yang diberikan.

Dapatan ini amat membimbangkan kerana hampir separuh daripada kohort murid Darjah 1 yang mengambil subjek Bahasa Melayu mempunyai masalah membaca dan mengenal perkataan mudah. Senarai perkataan dan teks pendek yang dipilih telah diambil daripada Buku Teks Cepak 1A, sudah dalam jangkauan murid. Perkataan-perkataan dan teks pendek ini terdiri daripada perkataan-perkataan yang mempunyai suku kata berbentuk:

- KVKV
- KVKVK
- Diftong
- Perkataan yang berakhir dengan ‘...ng’
- Perkataan yang mengandungi ‘ng/ny’

Untuk mengatasi masalah ini, bahan sokongan dan bahan tambahan telah dihasilkan serta pakej bacaan terbitan MLCS digunakan untuk menyokong program intervensi. Diharapkan dengan penggunaan bahan-

bahan ini, kemahiran membaca murid dapat dipertingkatkan selaras dengan hasil pembelajaran yang diinginkan.

Pengkaji juga menggunakan Strategi Pengajaran Pembezaan *Differentiated Instruction* (DI) bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid-murid yang rencam. Dengan menggunakan model DI oleh Carol Ann Tomlinson (2017), beberapa teknik digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid. Carol Ann Tomlinson mengetengahkan penggunaan Strategi DI di dalam kelas yang mempunyai murid-murid yang berlainan upaya belajar. Strategi DI seperti soal jawab, latihan tubi penyebutan suku kata serta perancah untuk pelajaran bacaan dan ejaan serta membunyikan suku kata dan menggunakan kertas latihan yang pelbagai. Kaedah dan pendekatan yang digunakan telah membantu pengkaji untuk menjayakan program intervensi bacaan ini.

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan bahan-bahan sokongan dan tambahan dalam PdP bagi meningkatkan kemahiran membaca murid; dan
2. meneliti keberkesanan Strategi DI untuk meningkatkan kemahiran membaca murid yang mempunyai pelbagai aras kebolehan.

KAJIAN LEPAS

Kebolehan membaca merupakan salah satu aspek penting dalam mempelajari Bahasa Melayu. Menurut Block dan Israel (2005), pelajar yang boleh membaca sebenarnya berupaya untuk menjalankan pelbagai tugas seperti mengenal atau mengecam perkataan dan memahami teks yang dibaca.

Pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid boleh dilakukan dengan menggunakan strategi DI. Strategi DI melibatkan proses pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan dan keupayaan murid. Tujuannya adalah untuk memaksimumkan potensi setiap murid. DI yang dirancang oleh guru untuk membezakan kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran kerana strategi yang digunakan haruslah berdasarkan kerencaman keupayaan murid yang meliputi persiapan belajar, minat dan profil mereka.



Dengan ini, terdapat banyak kajian yang menggunakan strategi DI untuk meningkatkan kemahiran membaca murid. Ada antaranya yang telah dibukukan dan menjadi bahan rujukan untuk para pendidik dan pengkaji lain. Salah seorang daripadanya ialah Carol Ann Tomlinson (2000) yang menghasilkan buku yang bertajuk *Differentiation of Instruction in the Elementary Grades*. Beliau menerangkan proses pembelajaran yang berbeza di peringkat sekolah rendah yang perlu dijalankan oleh guru untuk memberikan tahap sokongan atau perancah yang berbeza mengikut tahap keupayaan murid. Salah satu komponen tersebut ialah kemahiran membaca.

Kemahiran membaca dan mengenal perkataan atau teks pada peringkat awal dapat memberi manfaat seperti yang dipersetujui ramai pengkaji menerusi dapatan kajian mereka. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Azizah Zain dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau membentangkan dapatan kajiannya di sebuah persidangan pendidikan antarabangsa pada tahun 2010. Menerusi data yang dikumpulkan, beliau dapat mengenal pasti kesan penggunaan bacaan berulang dalam mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Ujian kelancaran dan kefahaman dijalankan dengan menggunakan Tahap Penilaian Kelancaran dan Tahap Penilaian Kefahaman dalam praujian dan pascaujian. Hasilnya, beliau dapat melihat kebolehan membaca kanak-kanak semakin meningkat selepas beliau menggunakan teknik bacaan berulang.

Manakala dalam Jurnal *Asian Education Action Research*, Sulaiman Ishak Ahmad dan Sabry Othman (2013) telah menerangkan tentang kajian bagi meningkatkan penguasaan membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata pola V + KVK dan KV + KVK dalam kalangan murid Tahun 6 yang merupakan kanak-kanak daripada kaum orang asli. Kajian mereka menggunakan model Kurt Lewin (1946) dan Laid Law (1992). Tindakan-tindakan yang digunakan dalam kajian mereka ialah 'Cam Bunyi, Senang Baca', 'Tembak dan Baca' dan 'Cantum Kad Suku Kata'. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah praujian dan pascaujian. Sementara itu, instrumen pemerhatian dan analisis dokumen digunakan untuk menyokong data utama kajian. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kemahiran membaca perkataan yang terdiri daripada dua suku kata pola V+KVK dan KV+KVK dapat dipertingkatkan melalui tindakan-tindakan yang dijalankan itu.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian pengajaran dan bertujuan untuk menilai keberkesanan program intervensi yang dijalankan di peringkat Darjah 1 untuk meningkatkan kemahiran membaca murid.

Perbandingan data pra-intervensi (yang dijalankan pada awal tahun) dan pascaintervensi (yang dijalankan pada akhir program, Penggal 3, 2021) dilakukan untuk menilai keberkesanan langkah-langkah intervensi yang telah dijalankan oleh guru-guru untuk membantu murid-murid meningkatkan keupayaan membaca mereka.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 1 kohort 2021. Jumlah murid yang terlibat ialah 83 orang murid. 10 orang murid dalam kumpulan di bawah aras pencapaian telah dikenal pasti untuk menerima bantuan tambahan pada setiap hari Jumaat (*pull-out class*), selama satu jam. Mereka akan mengikuti beberapa aktiviti yang fokus kepada tahap kemahiran membaca mereka. Program Bacaan ini telah dijalankan oleh Kumpulan Pembelajaran Profesional (PLT) yang terdiri daripada lima orang guru Bahasa Melayu yang mengajar peringkat rendah bawah.

Instrumen Kajian

Beberapa bahan kajian telah digunakan bagi menjayakan program bacaan ini.

Bahan-bahan sedia ada seperti Pakej Membina Kemahiran Asas Membaca yang dibina dan diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Pihak sekolah telah melibatkan ibu bapa atau waris dalam program ini dengan mencetak bahagian-bahagian tertentu agar ibu bapa/waris dapat memberikan sokongan di rumah dan pada waktu yang sama turut terlibat dalam proses pembelajaran anak-anak. Guru juga akan menggunakan bahan ini di dalam bilik darjah untuk mengukuhkan kemahiran membaca murid.

Bahan-bahan sokongan tambahan bagi mengukuhkan lagi program ini seperti yang berikut:

- Senarai perkataan dan teks pendek yang dipilih daripada Buku Teks CEKAP 1A
- Poster-poster bergambar untuk ejaan
- Video daripada ‘YouTube’, ‘Abu Ada Ayam’
- Buku kecil CEKAP 1A ‘Si Lucu’, rancangan pelajaran dan soalan-soalan untuk setiap tahap keupayaan murid
- Carta Suku Kata Konsonan Vokal dan Carta Suku Kata Tertutup bagi aktiviti latih tubi
- Lembaran kerja (Teknik Perancah)

Murid dinilai secara perseorangan oleh guru Bahasa Melayu mereka berdasarkan senarai perkataan, dan teks pendek dan mudah yang diberikan. Perkataan-perkataan dan teks pendek ini terdiri daripada perkataan-perkataan yang mempunyai suku kata tertentu. Praujian dan pascaujian dijalankan bagi menilai pencapaian murid dan melihat keberkesanan keupayaan mereka membaca.

Prosedur Kajian

Pada awal setiap tahun, setiap murid Darjah 1 akan menjalani pelajaran bacaan asas selama beberapa sesi. Selepas menjalani pelajaran ini, murid akan dinilai dari segi bacaan. Penilaian bahagian bacaan ini dijalankan semasa pelajaran Bahasa Melayu pada minggu tiga dan minggu empat, Penggal 1. Murid dinilai dari segi keupayaan mengenal dan menyebut abjad, huruf vokal, huruf konsonan, suku kata, dan ayat mudah.

Bahagian-bahagian dalam praujian:

Bahagian 1: Membaca perkataan suku kata KVKV

Bahagian 2: Membaca perkataan KVKVK

Bahagian 3: Diftong

Bahagian 4: ‘...ng’

Bahagian 5: ‘ng/ny’

Bahagian 6: Membaca ayat pendek

DAPATAN DARIPADA PENILAIAN PRAINTERVENSI

Selepas menjalankan ujian diagnostik praintervensi, pengkaji mendapati bahawa 38 orang murid masih tidak dapat memperoleh markah lulus dalam penilaian yang dijalankan. Seperti yang telah disebut di bahagian pengenalan,

murid-murid mempunyai masalah membaca dan mengenal perkataan. Bilangan murid yang ramai ini membimbangkan guru yang mengajar mereka kerana mereka amat memerlukan bantuan guru secara kerap dan konsisten untuk mengikuti PdP Bahasa Melayu.

Langkah-langkah intervensi yang diambil untuk membantu murid meningkatkan kebolehan membaca mereka:

1. Murid-murid dibahagikan kepada tiga buah kelas. Kelas 1 (32 murid), Kelas 2 (31 murid) dan Kelas 3 (22 murid). Untuk Semester 1, seorang guru pengganti membantu selama 1 jam pada setiap hari Jumaat untuk membimbing 10 orang murid yang amat lemah dalam aspek membaca. Bahan bacaan MLCS dan carta ejaan digunakan untuk menjalankan pengajaran yang dapat membantu murid ini membaca dan memahami makna perkataan yang dibaca.
2. Pada bulan Januari dan Februari, guru-guru telah membuat saringan bahan-bahan bacaan asas MLCS dan mencetak bahagian-bahagian tertentu agar ibu bapa/waris dapat memberi sokongan di rumah dan dalam waktu yang sama turut terlibat dalam proses pembelajaran anak-anak mereka. Guru-guru juga akan menggunakan bahan ini di dalam bilik darjah untuk mengukuhkan bacaan dan pemahaman murid.
3. Setiap guru di dalam Kelas 1, 2 dan 3 menjalankan Strategi DI dalam proses PdP Bahasa Melayu sejajar dengan inisiatif keseluruhan TKPS untuk membantu setiap murid yang mempunyai pelbagai keupayaan dan kemahiran pada aras yang berbeza.
 - Rancangan pelajaran telah disediakan untuk buku kecil 'Si Lucu'. Guru juga telah membina soalan-soalan untuk setiap tahap keupayaan murid yang berbeza.
 - Aktiviti Latih Tubi telah dijalankan. Murid-murid didedahkan kepada kaedah fonetik untuk memperkukuh kemahiran membaca secara bertahap-tahap dimulai dengan vokal kepada suku kata tertutup dan terbuka.
 - Teknik perancah digunakan untuk membantu murid dalam pelbagai

tahap keupayaan untuk menyelesaikan aktiviti di lembaran kerja yang disediakan. Kaedah ini telah digunakan untuk latihan ejaan di dalam kelas.

- Beberapa bahan tambahan telah digunakan bagi menyokong pembelajaran murid pelbagai tahap keupayaan.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan Kuantitatif

Pada awal tahun 2021, seramai 83 murid di peringkat Darjah 1 telah menjalani ujian pra-intervensi. Hanya 54.3% kohort P1 (45 murid) yang lulus dalam ujian pra-intervensi ini. 45.7% (38 murid) yang gagal dan berada dalam tahap yang sangat memerlukan bantuan dalam kemahiran bacaan. Oleh sebab kekangan tenaga pengajar, program intervensi yang lebih realistik telah dilakarkan agar dapat memberikan impak yang positif kepada murid ini.

Setelah menjalankan intervensi dan langkah-langkah yang diambil termasuk situasi HBL pada Semester 1 yang tidak dijangkakan, ujian pasca-intervensi telah dijalankan pada akhir projek. Dapatan daripada data pasca-intervensi mendapati daripada jumlah 83 orang murid ini, kini 86.7% kohort P1 (72 murid) lulus dalam ujian pasca-intervensi ini. Hanya 13.3% (11 murid) yang masih gagal dan menghadapi masalah untuk membaca. Sila lihat Rajah 1 di bawah ini.

Rajah 1: Peratusan Murid Lulus Ujian Pasca-intervensi




Hasil dapatan kajian menunjukkan 11 orang murid yang masih menghadapi masalah membaca. Ada murid yang menghadapi masalah pembelajaran (*Learning needs*), Autism (*Global Development Delay*), lambat bertutur (*Speech Delay*) dan bukan penutur jati bahasa Melayu yang berasal daripada Punjabi. Namun, mereka menunjukkan peningkatan markah yang diperoleh kecuali seorang sahaja. Mereka sudah boleh mengeja dan membaca perkataan-perkataan yang payah, contohnya seperti kuning, payung, bunyi, goreng dan ungu. Rajah 2 menunjukkan bahawa antara 11 murid yang tidak lulus, 10 daripada mereka telah mendapat markah lebih baik jika dibandingkan dengan markah pra-intervensi. Terdapat peningkatan markah antara 2 hingga 19 markah dengan markah awal yang mereka peroleh.

Rajah 2: Peningkatan Markah Bagi Murid yang Tidak Boleh Membaca



Rajah 3 pula menunjukkan data secara keseluruhan bagi murid Darjah 1. Seramai 82 daripada 83 orang murid telah berjaya meningkatkan keupayaan membaca, iaitu sebanyak 98.80%. Program intervensi Kemahiran Membaca ini telah dapat memperbaiki kemahiran membaca mereka walaupun program ini dilaksanakan semasa pandemik COVID-19 melanda negara kita.

Rajah 3: Pencapaian Murid Secara Keseluruhan




Dapatan Kualitatif

Peningkatan sebanyak 32.4% ini amat menggalakkan. Selain daripada dapatan kualitatif pengkaji juga mendapati beberapa dapatan seperti yang akan diterangkan dalam perenggan seterusnya.

Beberapa bahan tambahan telah digunakan sebagai bahan sokongan bagi menyokong pembelajaran murid pelbagai tahap keupayaan. Perkataan dan teks yang pendek telah digunakan bagi membantu murid praaras keupayaan. Penggunaan carta suku kata serta lembaran kerja yang mengikut pelbagai tahap keupayaan murid telah membantu murid dalam kemahiran membaca seperti dalam Rajah 4 dan Rajah 5 di bawah ini.

Rajah 4: Carta Suku Kata Bagi Murid Yang Pelbagai Tahap Keupayaan



Rajah 5: Lembaran Kerja Bagi Murid Yang Pelbagai Tahap Keupayaan

Lembaran Kerja (LP) Kata Kerja	
Arahan: Padankan frasa kerja dengan gambar yang betul.	
1. mencuci gelas	
2. mengelap meja	
3. melintar jalan	
4. menyiram pokok	
5. membarik biskut	

Sekolah Rendah Telok Kurau Lembaran Kerja (MP)							
Arahan: Pilih Kata Kerja yang sesuai dan tuliskan jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.							
	<table border="1"> <tr> <td>bermain</td> <td>mencuci</td> <td>makan</td> </tr> <tr> <td>mengepal</td> <td>menulis</td> <td>menyiram</td> </tr> </table>	bermain	mencuci	makan	mengepal	menulis	menyiram
bermain	mencuci	makan					
mengepal	menulis	menyiram					
1.	Abang sedang _____ karangan.						
2.	Ibu sudah _____ baju-baju yang kotor.						
3.	Keluarga saya suka _____ bersama.						
4.	Hari sedang _____ meja.						
5.	Mereka sedang _____ tali skip.						

Lembaran Kerja (HP) Kata Kerja								
Arahan: Pilih Kata Kerja yang sesuai dan tuliskan jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.								
	<table border="1"> <tr> <td>menyapu</td> <td>mencuci</td> <td>menari</td> </tr> <tr> <td>mengepal</td> <td>menulis</td> <td>menyiram</td> </tr> </table>	menyapu	mencuci	menari	mengepal	menulis	menyiram	
menyapu	mencuci	menari						
mengepal	menulis	menyiram						
1.	Abang _____ melastikalnya yang kotor.							
2.	Cik Ina _____ pokok bunga.							
3.	Ahmad sedang _____ meja.							
4.	Karlin sedang _____ potrei bunya.							
5.	Ibu sedang _____ lantai yang kotor.							
6.	Shanti pandai _____ tarian india.							

Persekitaran dan suasana pembelajaran di sekolah memainkan peranan yang penting untuk membolehkan murid mengadaptasi diri dalam peralihan dari peringkat prasekolah ke peringkat Darjah 1. Murid bertambah yakin apabila

mereka dapat membaca dan memahami makna perkataan yang dibaca. Murid juga dapat mengikuti proses pembelajaran Bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.

Bagi merealisasikan suasana pembelajaran yang baik, maklum balas dikumpulkan bagi memastikan PdP yang dijalankan berkesan. Usaha intervensi dengan langkah-langkah yang sesuai dapat dilaksanakan untuk memenuhi keperluan murid.

Selain itu, hubungan yang erat dan baik antara guru dan ibu bapa murid membantu meningkatkan keyakinan murid dan minat mereka untuk terus berjaya dalam subjek Bahasa Melayu. Murid lebih terarah dan mendapat sokongan yang baik di sekolah dan juga seterusnya di rumah. Semasa program HBL dijalankan pada tahun 2021, ibu bapa dan ahli keluarga yang lain memberikan sokongan kepada murid untuk meneruskan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan bacaan yang telah diberikan awal kepada ibu bapa dapat digunakan semasa proses HBL berlangsung di rumah.

CADANGAN

Usaha intervensi bagi murid Darjah 1 ini merupakan kali pertama dilaksanakan di TKPS. Oleh yang demikian, tiada data yang dapat dibandingkan dengan tahun lalu. Untuk kitaran kedua intervensi pada tahun 2022, pengkaji berharap dapat menggunakan data kuantitatif dan kualitatif agar program yang lebih baik dan efektif dapat dirancang dan dilaksanakan. Penambahbaikan akan dilakukan agar pelaksanaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Diharapkan bilangan murid yang tidak dapat membaca di peringkat selanjutnya dapat dikurangkan.

Bagi langkah seterusnya, usaha boleh dilakukan untuk menambah nilai pembelajaran dengan memastikan murid dapat membaca dan memahami makna perkataan serta menggunakannya dengan yakin sama ada untuk pertuturan dan penulisan. Murid juga diharapkan dapat membina ayat mudah menggunakan sekurang-kurangnya tiga patah perkataan. Hal ini akan dapat membantu mereka berjaya pada tahap selanjutnya dalam kemahiran bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.



KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa dengan menggunakan bahan-bahan sokongan dan tambahan, guru dapat membantu murid untuk membunyikan suku kata dan membaca perkataan-perkataan serta teks pendek dengan baik dan berkesan. Kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan Strategi DI dalam PdP Bahasa Melayu dapat meningkatkan kemahiran membaca murid.

Masa yang telah diperuntukkan untuk sesi perbincangan yang dilakukan secara kerap untuk berbincang tentang projek ini telah banyak membantu menambah nilai Program Intervensi Bacaan ini. Sesi perbincangan berkaitan proses dan strategi PdP Bahasa Melayu seperti Strategi DI dan bahan-bahan sokongan serta tambahan dapat mengawal keberkesanan usaha intervensi ini. Ukhwah dan perkongsian ini, menggalakkan guru berkongsi pengalaman, kemahiran dan bahan-bahan yang dapat membantu murid. Selain itu, data dan idea-idea yang dikongsi untuk peringkat-peringkat lain dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Contohnya, guru yang mengajar di peringkat Darjah 2 dan Darjah 3 juga memberikan maklum balas tentang strategi-strategi yang digunakan. Banyak lagi usaha lain yang ingin dijalankan. Walau bagaimanapun, situasi COVID-19 dan adaptasi yang perlu dijalankan semasa penutupan sekolah tidak menghambat semangat pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Diharapkan kitaran kedua dapat dirancang dan dijalankan pada tahun 2022 dengan lebih berkesan dan baik lagi.

Sokongan tenaga pengajar daripada pihak sekolah untuk menjayakan projek ini semasa kitaran kedua dan nisbah pelajar untuk murid-murid yang memerlukan bantuan dapat diteliti semula. Hal ini akan membolehkan guru memberikan perhatian yang sewajarnya agar murid dapat menguasai kemahiran bacaan secepat yang mungkin mengikut potensi mereka. Bahan-bahan sokongan yang lain dapat diteroka seperti bahan digital dan portal SLS yang boleh disiapkan supaya murid dapat belajar secara sendiri dan mengulang pelajaran-pelajaran bacaan asas pada kadar yang dirasakan bersesuaian untuk mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Kartini Mohamed Ramli
2. Salehati Md Salleh
3. Mohamed Hisham Salim

RUJUKAN

- Azizah Bte Zain (Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia), *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*, Penggunaan Bacaan Berulang dapat Meningkatkan Kelancaran dan Kefahaman dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah.
- Block, C.C & Israel., S., E. (2005). *Reading first and beyond*. California: Corwin Press.
- Sulaiman Ishak Ahmad dan Sabry Othman (2013), *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* ISSN 2289-3180 / Vol. 2 / 2013, Meningkatkan Penguasaan Membaca Perkataan Dua Suku Kata Pola V + KVK dan KV + KVK dalam Kalangan Murid Tahun 6.
- Tomlinson, Carol Ann (2000), *Differentiation of instruction in the elementary grades*. Eric Digest, The Educational and Information Centre.
- Tomlinson, Carol Ann (2017). *How to differentiate instruction In academically diverse Classrooms*.ASCD: Beauregard St, Alexandria USA.